

# Simbol kejayaan negara pelbagai kaum

Oleh LAUPA JUNUS

UM 20 SEP 2003

**K**UALA LUMPUR 19 Sept. — Perayaan Ulang Tahun ke-50 Kecemerlangan Kongsi Kuasa Barisan Nasional (BN) di Stadium Merdeka esok merupakan cerminan dan simbol kejayaan pemerintahan demokrasi dengan sokongan rakyat pelbagai kaum.

Sebanyak 14 buah parti komponen BN mewakili pelbagai kaum akan berhimpun dalam satu keluarga besar bagi menunjukkan kepada rakyat Malaysia bahawa kejayaan negara adalah berkat perpaduan yang didukung selama ini.

Perhimpunan esok, akan diisi dengan bacaan ikrar nyanyian lagu Malaysia Berjaya dan ucapan para pemimpin BN.

Ia akan dimulakan dengan ucapan Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu mewakili masyarakat India; Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting (mewakili masyarakat Cina) dan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) mewakili Sabah dan Sarawak.

Selepas itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Timbalan Pengerusi BN berucap sebelum ucapan utama oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN.

Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat yang dihubungi berkata, perhimpunan kali ini penting sebagai bukti formula kerjasama dalam BN menjadi teras kepada kejayaan yang dikecapi selama ini.

“Perhimpunan ini akan dapat memperkukuhkan lagi semangat

kerjasama seluruh parti komponen BN lebih-lebih lagi dalam suasana pilihan raya,” katanya.

Mohamed menegaskan, BN telah berjaya menunjukkan satu formula kerjasama antara kaum yang menjadi asas kepada kejayaan Malaysia.

Sementara itu, kerja-

kerja menghias Stadium Merdeka sedang rancak dijalankan bagi menyambut kira-kira 50,000 pengunjung.

Meskipun Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) akan menyiarkan acara tersebut secara langsung petang esok, orang ramai selain ahli-ahli parti-parti komponen BN

dijangka turut sama mengunjungi stadium tersebut untuk tidak ingin melepaskan peluang menyaksikan detik bersejarah itu.

Tambahan pula, mereka menanti-nanti amanat penting yang akan disampaikan oleh Dr. Mahathir yang akan bersara pada bulan depan.